

Oleh Magendran Rajagopal

"SEBAGAI anak pemandu lori, hidup saya sewaktu kecil memang susah. Saya terpaksa berhenti sekolah dan bekerja seawal usia 10 tahun," kata Datuk Seri S Samy Vellu, 71 ketika menceritakan liku hidupnya yang dilalui dengan cecal dan sabar.

Kemiskinan memaksanya meninggalkan alam persekolahan ketika dalam darjah lima di Sekolah Tamil Lavis Estate di Chaah, Johor. Dia kemudian bekerja sebagai pelekat label cerut di Isaac and Co.

"Bagaimanapun, pada masa itu saya yakin hanya pendidikan dapat membebaskan seseorang daripada belenggu kemiskinan dan saya mengambil inisiatif belajar kelas petang di Clive Institution. Ketika itu saya tinggal di Rawang," katanya.

Ketika berusia 13 tahun, Samy Vellu menyertai Malayan Colliers Ltd sebagai budak pejabat dengan gaji RM35 sebulan dan berkat dedikasi terhadap kerja, beliau dinaikkan pangkat menjadi kerani penghantar surat.

Pada pertengahan 1952, Samy Vellu berhijrah ke Kuala Lumpur untuk mencuba nasib. Mungkin nasib menyebelahnya apabila mendapat kerja di General Transport Company sebagai konduktor bas. Syarikat itu adalah perintis kepada sistem perkhidmatan awam ibu kota yang kemudian dikenali sebagai Sri Jaya, SJ Kenderaan dan kini RapidKL.

"Bagaimanapun, saya hanya sempat bekerja selama empat hari sebelum dipecat kerana majikan mendapat tahu saya masih di bawah umur dan belum layak bekerja berdasarkan undang-undang buruh ketika itu.

"Saya kemudian menyertai JR Vethavanam and Company sebagai budak pejabat dan pencari fail. Di sinilah minat saya terhadap bidang kejuruteraan berputik," katanya.

Pengalaman bekerja di syarikat itu menimbulkan minat Samy Vellu terhadap reka bentuk bangunan dan kerjaya arkitek. Tahun-tahun seterusnya menyaksikan beliau berpindah ke beberapa firma arkitek sekitar ibu negara, antaranya termasuk York Mason dan Ee Hong Chee & Co.

Suatu hari, ketika di sebuah kedai kopi di Lebu Ampang, Samy Vellu terbaca iklan kerja kosong jawatan pelukis pelan di akhbar *Malay Mail*.

"Saya memohon dan seminggu selepas itu saya dipanggil menghadiri temu duga dengan seorang bernama Davidson, yang menyukai gaya lakaran saya. Saya meminta gaji RM350 sebulan dan mereka bersetuju serta terus mengeluarkan surat pelantikan.

"Apabila saya beritahu majikan lama mengenai kerja baru itu, dia membuat tawaran gaji bulanan RM400. Saya kembali kepada Davidson dan beliau pula tambah gaji saya sampai RM650. Saya menandatangani kontrak tanpa berfikir panjang.

"Saya pulang ke rumah dan menunjukkan surat pelantikan itu dengan gaji yang bakal diterima kepada bapa dan ibu tiri saya. Mata bapa saya bergemang sebaik saja melihat surat itu. Pada masa itu gaji bapa saya hanya RM180 sebulan.

"Dia kata akhirnya tuhan membuka mata terhadap keluarga kita dan saya kini menjadi penyelamat keluarga. Itu menjadi satu titik perubahan besar dalam hidup saya," katanya sambil menyatakan bapanya meninggal pada 1957.

Bagaimanapun, lebih ramai, khususnya masyarakat India tem-

Samy Vellu pernah jadi pelekat label cerut

Anak pemandu lori belajar kelas petang ubah kehidupan

BH-7/1/2007

PROFIL

Datuk Seri S Samy Vellu



Nama Sebenar: Samy Vellu Sangalimuthu
Lahir: 8 Mac 1936
Asal: Kluang, Johor
Isteri: Datin Seri Indrani (kahwin pada 1960)
Anak: Vel Paari dan S Mangaiyakarasi.

Kerjaya Politik

1974 - hingga kini: Ahli Parlimen Sungai Siput, Perak.
1978: Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan
1979-1989: Menteri Kerja Raya
1989-1995: Menteri Tenaga Telekomunikasi dan Pos
1995 - hingga kini: Menteri Kerja Raya

Anugerah Antarabangsa

1982: Pingat Gwang Hwa (Republik Korea)
1985: Grand Officer of the Order of the Merit (Itali)
1985: Doktor Kehormat Falsafah Annamalai University (India)
1987: Man of the Year International Road Federation (Amerika Syarikat)
1989: Felo Kehormat Royal Chartered Institute of Building (United Kingdom)
1991: Doktor Falsafah (Perundangan) University of Keele (Britain)
1998: Doktor Falsafah (Pendidikan) Northern Territory University (Australia)
2003: Anugerah 'Bharatiya Samman' (India)



patan, lebih awal mengenali Samy Vellu sebagai pembaca berita RTM sekitar 1964. Pengalaman beliau sebagai pelakon pentas dan drama selain pengacara majlis mendidiknya menjadi pembahas yang petah dalam bahasa Tamil.

Justeru, membaca berita bukan sesuatu yang sukar baginya dan dalam masa yang singkat sudah dikenali ramai.

"Saya berkecimpung dalam seni sekitar 1954 bermula dengan drama Tamil pertama *Natpu* (Persahabatan) diikuti pelbagai pertunjukan pentas. Editor berita Tamil RTM ketika itu, M Durairaj, mengajar saya sebutan yang tepat sebelum bacaan berita pertama saya.

"Memanglah saya gementar apabila menghadapi kamera, tetapi saya bayangkan bagi menghadap penonton dalam lakonan drama atau pementasan. Lambat laun

hilanglah gementar dan bertambah pula keyakinan.

"Pengalaman ini ternyata memanfaatkan saya semasa kempen politik pertama saya di Sungai Siput. Mana-mana rumah yang saya kunjungi, mereka boleh kenal saya sebagai lelaki pembaca berita dalam televisyen," katanya.

Antara pengalaman yang sukar dilupakan ialah ketika rusuhan 13 Mei 1969 apabila beliau membaca berita menyampaikan nasihat pemimpin negara ketika itu kepada rakyat supaya bertenang dan jangan melanggar undang-undang.

Katanya, pihak polis terpaksa mengiringinya sehingga ke Angkasapuri dan menghantarnya pulang selepas selesai.

"Saya tidak dapat menahan sebab apabila membacakan nasihat Tunku Abdul Rahman yang meminta rakyat bertenang dan memperjelaskan apa yang berlaku

"Apabila saya beritahu majikan lama mengenai kerja baru itu, dia membuat tawaran gaji bulanan RM400. Saya kembali kepada Davidson dan beliau pula tambah gaji saya sampai RM650. Saya menandatangani kontrak tanpa berfikir panjang"

dalam negara ketika itu," katanya.

Di pejabat Samy Vellu di Kementerian Kerja Raya, turut memuatkan koleksi besar buku bahasa Melayu, Inggeris dan Tamil mencerminkan kegemaran membaca tokoh veteran ini. Buku yang dikumpul bukan sekadar hiasan, sebaliknya banyak membantu dalam tugas seharian.

"Lazimnya, saya membaca prakata atau sinopsis setiap buku bagi memilih tajuk kegemaran. Ini banyak membantu tugas saya selaku menteri, presiden parti dan wakil rakyat. Semua tanggungjawab ini banyak tekanan.

"Pembahagian masa bagi mengendalikan urusan harian amat penting," katanya yang sudah bergelumang dalam politik selama 43 tahun, termasuk sebagai Ahli Parlimen dan Presiden MIC selama 33 tahun serta 26 tahun selaku menteri.

S Samy Vellu
Menteri Kerja Raya

ZOYI BERITA HARIAN